

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1997/98

September 1997

PDP 418 - Kaedah Mengajar Kesusasteraan 1

Masa : [ 2 ¼ jam ]

---

Jawab TIGA soalan sahaja, pilih SATU soalan daripada setiap bahagian

BAHAGIAN A (40 markah)

Soalan 1 :

- a) Bincangkan tiga teori kesusasteraan secara ringkas. [ 15 markah ]
- b) Huraikan aspek-aspek pendidikan yang boleh dihubungkan dengan peranan kesusasteraan di dalam kurikulum sekolah menengah. [ 25 markah ]

Soalan 2 :

- a) Huraikan tiga pendekatan dalam pengajaran kesusasteraan dan huraian tersebut hendaklah mengambil kira kelemahan dan kekuatan yang terdapat pada pendekatan tersebut. [ 24 markah ]
- b) Bincangkan apakah yang dimaksudkan dengan Pendekatan Bersepadu dalam pengajaran kesusasteraan. [ 16 markah ]

BAHAGIAN B [ 30 markah ]

Soalan 3 :

- a) Secara ringkas nyatakan tema dan persoalan dalam cerpen DEMI MUSIM dan KELAPA NAN SEBATANG. [ 12 markah ]
- ...2/-

[ PDP 418 ]

- b) Dengan menyatakan satu aspek yang menarik daripada salah satu cerpen tersebut, huraikan bagaimanakah anda akan mengajarnya kepada pelajar-pelajar Tingkatan Empat dalam masa 40 minit.

[ 18 markah ]

**Soalan 4 :**

- a) Secara ringkas nyata dan huraikan jenis dan ciri-ciri karya "Menderhaka Jangan Sekali". Lihat Lampiran A (Rampaisari Prosa Warisan, halaman 123 - 125)

[ 14 markah ]

- b) Apakah aspek yang menarik dalam karya tersebut bagi anda dan nyatakan alasannya?

[ 4 markah ]

- c) Nyatakan bagaimanakah anda hendak mengajar aspek yang anda pilih itu?

[ 12 markah ]

**BAHAGIAN C [ 30 markah ]****Soalan 5 :**

- a) Berdasarkan petikan puisi yang dilampirkan (rujuk Lampiran B), pilih satu tajuk yang sesuai untuk dijadikan satu pelajaran. Nyatakan kenapa anda memilih tajuk tersebut?

[ 5 markah ]

- b) Buat satu rancangan pelajaran yang lengkap untuk diajar kepada pelajar-pelajar Tingkatan Empat dalam masa 40 minit

[ 25 markah ]

**Soalan 6 :**

- a) Nyatakan kepentingan mengajar novel kepada pelajar-pelajar menengah atas.

[ 8 markah ]

- b) Bagaimanakah aspek perwatakan Jamilah dari Novel Mereka Yang Terkandas dapat diajar kepada pelajar-pelajar Tingkatan Lima dalam masa 40 minit?

[ 22 markah ]

ooo0ooo

KATA sahibulnikayat maka tersebutlah perkataan anak Sultan Mansur Syah yang bernama Raja Ahmad dan Raja Muhammad itu, kedua-dua pun besarlah. Adapun yang kasad Sultan Mansur Syah Raja Muhammadlah hendak dijadikan raja akan ganti baginda kerana Raja Muhammad itu sangat dikasini baginda.

Sekali peristiwa Raja Muhammad pergi bermain-main berkuda di kampung Bendahara Paduka Raja. Adapun kepada masa itu Tun Besar anak Bendahara bermain sepak raga di lebuah dengan segala orang muda-muda. Maka Raja Muhammad pun lalu; Tun Besar tengah sedang menyepak raga. Maka raga itupun jatuh menimpai dasar Raja Muhammad, jatuh ke tanah. Maka kata Raja Muhammad, "Ceh! Jatuh deslar kita oleh Tun Besar," sama ia memandang penjawatnya.

Maka bertari-lari orang membawa puan baginda, ditikannya Tun Besar, kena belikanya terus ke hulu hati. Maka Tun Besar pun matilah. Telah orang melihat Tun Besar mati, maka gempartlah segala anak buah Bendahara Paduka Raja, semuanya keluar dengan segala alat senjatanya. Maka Bendahara Paduka Raja pun keluar bertanya, "Apa sebabnya maka orang gempar ini?"

Maka kata orang itu, "Anakanda Tun Besar mati, dibunuh oleh Raja Muhammad."

Maka segala perital ehwal itu semuanya dikatakan orang kepada Bendahara Paduka Raja. Maka kata Bendahara. "Jika demikian mengapakah maka kamu sekalian bertengkap ini?"

Maka sahut segala anak buah Bendahara, "Shaya semua hendak berbalaskan kematian saudara saya semua."

Maka kata Bendahara, "Hai! Hai! Hendak derthakakah kamu sekalian? Hendak derthakakah? Ceh, kamu sekalian, ceh; kerana tiada adat, hamba Melayu tiada pernah derthaka. Tetapi jangantlah kita bertuankan anak raja seorang ini."

Maka segala anak buah Bendahara Paduka Raja diamlah sama-sama, masing-masing menyuruh menyimpan senjatanya. Maka Tun Besar ditamakan oranglah.

Setelah Sultan Mansur Syah mendengar gempar itu maka baginda pun bertanya. "Apa digemparkan orang itu?"

Sembah Tun Indera Segera, "Tun Besar anak Datuk Bendahara, Tuanku, mati dibunuh oleh paduka anakanda Raja Muhammad." Maka segala perthal itu semuanya dipersembahkan kepada Sultan Mansur Syah.

Maka titah baginda, "Apa kata Bendahara?"

Maka sembah Tun Indera Segera, "Akan kata Datuk Bendahara yang adat hamba Melayu tidak pernah derthaka, tetapi akan kita bertuan akan anak raja ini jangantlah."

Setelah didengar oleh Sultan Mansur Syah, baginda menyuruh memanggil Raja Muhammad. Maka titah baginda, Celaka Si Muhammad ini. Hai Muhammad, apatah dayaku? Engkau diolok bumi Melaka!"

Maka Sultan Mansur Syah menyuruh memanggil Seri Bija Diraja ke Pahang. Berapa antaranya, maka Seri Bija Diraja datanglah. Maka Raja Muhammad diserahkan baginda pada Seri Bija Diraja, disuruh rajakan di Pahang. Maka Tun Hamzah, menantu Bendahara Seri Amar Diraja, digelar baginda Seri Amar Diraja, maka dijadikan baginda Bendahara Pahang dan diberi yang layak jadi Penghulu Bendahari, dan yang patut jadi Temenggung. Dan anak Seri Bija Diraja seorang dijadikan hulubalang besar, digelar Seri Akar Raja; dan anak tuan-tuan

yang asal berasal seratus orang laki-laki dan seratus orang perempuan; dan dari Sedeli Besar datang ke Terengganu diangkut oleh baginda akan Raja Muhammad. Setelah sudah lengkap, maka Seri Bija Diraja pun pergi ke Pahang, maka membawa Raja Muhammad. Telah sampai ke Pahang, maka dirajakannya Raja Muhammad, dan gelar baginda di atas kerajaan, Sultan Muhammad Shah. Maka baginda beristerikan cucu Sultan Iskandar, Raja Kelantan, Mengendera Puteri namanya, beranak tiga orang laki-laki Raja Ahmad seorang namanya, Raja Jamil seorang namanya, Raja Mahmud seorang namanya.

Telah itu maka Seri Bija Diraja kembali ke Melaka. Maka negeri Melaka makin makmurlah, masyurlah peri kebesaran Melaka itu dari atas angin datang ke bawah angin. Maka oleh segala Arab dinamainya Malakat, tempat penghimpunan segala dagang. Adapun zaman itu sebuah negeri pun tiada menyamai Melaka, melainkan Pasai, dan Haru, tiga buah negeri itu juga sama besarnya. Tua muda pun rajanya bertim salah juga. Tetapi orang Pasai barang dari mana surat datang, jika salam pun dibacakannya sembah juga.

Maka pada sekali peristiwa ada seorang Tun Bahara namanya, orang Pasai; ia datang ke Melaka. Maka Tun Bahara ini pandai tertalu ia bermain catur, tiada siapa menyamai dia pada zaman itu. Maka bercaturlah Tun Bahara itu dengan orang Melaka. Lawannya itu bertikir, ia tiada bertikir, pandang kiri, pandang ke kanan, sambil ia bersyair dan bertabit dan bergurindam dan berseloka. Serta sudah ia perang berjalan tas, ia berjalan tertalu bangat, tiada bertikir lagi. Maka segala orang yang tahu-tahu bercatur semuanya alah olehnya, seorang tiada dapat melawan dia, melainkan Tun Pikrama anak Bendahara

Paduka Raja juga yang dapat sedikit melawan Tun Bahara itu, tetapi jikalau sekali Tun Pikrama alah, digelarnya oleh Tun Bahara itu sayur keladi; dan jikalau Tun Bahara membuang sebiju bidak di hujung juga alah pula Tun Bahara oleh Tun Pikrama; itulah yang tahu bercatur.

*Wallahu a'lamu bis-sawab, wailaihil-marji'uwul-ma'ab*

**Orang Bestari Kini**

*A. Wahab Ali*

Siapakah yang bestari kini  
apakah mereka itu sarjana  
menghabiskan hidupnya  
bagai padi berisi  
dengan penyelidikan  
dan suara kebenarannya  
syahdu  
lewat ilmu

Siapakah bestari kini  
apakah mereka itu  
sekelompok mafia  
membina kelompok-kelompok  
lalu berdiri bagi lalang  
riuh bagi kompiang  
populer bagi bintang filem  
mengepalai organisasi  
mengalahkan siapa saja  
dengan hubungan dan wang

Zaman sekarang zaman rakyat  
surat daripada rakyat  
pengangkutan daripada rakyat  
tetapi keputusan daripada mafia  
maka lalanglah menjadi padi  
kerana setiap bunga lalang terbang  
dikuti bunyi kompiang  
dengan gambar-gambar terpampang  
gamat media massa  
cepat menjadi legenda

1988

